

NUR AIMILEEYA CEMERLANG DALAM KEM BAKAT LAWN BOWLS KEBANGSAAN.

Murid tingkatan 3 SMK Pantai, Nur Aimileeya binti Ismail mempamerkan kebolehan cemerlang dalam Kem Bakat Lawn Bowls Peringkat Kebangsaan yang berlangsung di Arena Lawn Bowls Perak, Kompleks Sukan DBI, Ipoh Perak pada 18-24 Disember 2023, anjuran Majlis Sukan Negara (MSN),

Kementerian Belia dan Sukan serta Persekutuan Lawn Bowls Malaysia. Empat pencapaian Nur Aimileeya sepanjang Kem Bakat tersebut ialah :

- 1. 1 st Runner Up Ultimate Fours Challenge**
- 2. Best Score Woman**
- 3. Princess Bowlers Terbaik**
- 4. Top 7 Test Drill Keseluruhan**



Nur Aimileeya juga merupakan peserta yang mencatatkan mata tertinggi semasa pemilihan pasukan lawn bowls Wilayah Persekutuan ke Sukan Malaysia (SUKMA) Sarawak 2024 pada bulan November lalu.

Nur Aimileeya yang juga merupakan pemenang pingat emas acara Women's Four SUKMA 2022 berazam untuk mengekalkan kejuaraan dalam SUKMA 2024 dan memenangi kejohanan-kejohanan lain yang disertai pada masa akan datang.

Pengetua SMK Pantai Ismail Abdullah mengucapkan setinggi-tinggi penghargaan kepada Persatuan Bowling Padang WP Labuan serta ibu bapa Nur Aimileeya yang sentiasa memberi bimbingan dan sokongan berterusan.

Kejayaan Nur Aimileeya di peringkat kebangsaan dan antarabangsa pada masa-masa akan datang akan memberi motivasi kepada murid-murid lain untuk mengikut jejak langkah kecemerlangannya.

